



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 17

20hb Ogos 2015

TAMBAHAN
No. 1

No. 3148.

AKTA EKSAIS 1976
(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1997
(P.U. (A) 156/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH GOMBAK

Dengan ini diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Gombak bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Gombak pada 25 Ogos 2015 (Selasa).

2. Semua permohonan untuk permohonan memperbaharui atau menukar lesen bagi tahun pertama 2015 (Jun–Dis 2015) hendaklah dibuat dalam borang Eksais (Eksais 2 dan 27) dalam 4 salinan disampaikan kepada Pengurus Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Gombak, Tingkat 1 Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves tidak lewat daripada 18 Ogos 2015 (Selasa).

3. Bagi tempat yang belum pernah mempunyai lesen, pemohon hendaklah atas perbelanjaan sendiri menyiarkan permohonannya ke dalam dua (2) buah suratkhabar berbahasa Melayu dan Inggeris selama dua (2) hari berturut-turut dengan cara menampalkan satu salinan di tempat perniagaan yang dicadangkan selama tiga (3) minggu. Pemohon hendaklah juga patuh kepada lain-lain arahan daripada pengerusi.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK
BANGUNAN SULTAN SULAIMAN
PERSIARAN PEGAWAI
BANDAR BARU SELAYANG
68100 BATU CAVES

[PTDG.KP. 100/19/1/2(3)]

*Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Gombak*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 3149.

[Subseksyen 64(1)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(1)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 81 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 21 Januari 2010, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Menteri Besar Selangor telah mengisyiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan Akui No. P.A. 74494 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor adalah dirizabkan bagi maksud awam iaitu untuk tujuan kawasan lapang dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam mesyuarat telah mewakilkan perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Selangor* sebagai Sel. G.N. No. 2372 pada 25 Jun 2015 dan bahawasanya siasatan pada hari tersebut diadakan dan keputusan ditangguhkan untuk semakan semula cadangan pembatalan perizaban oleh Pegawai Pengawal (UPEN);

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, sekali lagi memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang 1, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor pada pukul 9.30 pagi pada 27 Ogos 2015.

JADUAL

Daerah—Gombak. Mukim—Rawang. No. Pelan—P.A. 74494. No. Lot—13152.
Luas—6205 meter persegi.

Bertarikh 7 Ogos 2015
[PTG. 9/2/22/2012; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 2]

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
*Dato' Menteri Besar
Selangor*

Whereas, by Notification No. 81 published in the Government *Gazette* of the State of Selangor on 21 January 2010, in exercise of powers under subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. P.A. 74494 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Selangor, is reserve for purpose to wit, a site for open space and controlled by the State Secretary of Selangor:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Rule in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [Act 56/1965] to the Menteri Besar of Selangor:

An whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the State Director of Lands and Mines of Selangor to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with the provisions of section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazzete* of the Government of the State of Selangor as Sel. G.N No. 2372 on 25 June 2015 and that the enquiry is held without no decision been made due to the revision of the revocation of reservation by the Control Officer (UPEN);

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, once again gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid reservation as described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Lands and Mines of Selangor at an enquiry to be held at the Gemilang 1 Meeting Room, Land and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor at 9.30 a.m. on 27 August 2015.

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

2526

[20hb Ogos 2015]

SCHEME

District—Gombak. Mukim—Rawang. Pelan No.—P.A. 74494. Lot No.—13152.
Ares—6205 square metres.

Dated 7 August 2015
[PTG. 9/2/22/2012; P.U. Sel. (ADV) PS.05/4/3 Jld. 2]

YAB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

Dato' Menteri Besar

Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA